

PENYATA BERKAITAN DENGAN URUSTADBIR KORPORAT

PENGENALAN

Dalam mematuhi prinsip urustadbir korporat yang baik, Lembaga Pengarah Bintulu Port Holdings Berhad adalah komited untuk menanamkan amalan terbaik dan mendukung piawaian kewibawaan perniagaan yang tinggi dalam semua aktiviti yang dilaksanakan oleh Kumpulan. Ini termasuk komitmen untuk mematuhi semua keperluan yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad dan mengekalkan urustadbir korporat yang baik dalam mengendalikan aktiviti-aktiviti perniagaan Kumpulan.

KOD AMALAN

Kod ini memerlukan Lembaga Pengarah menzahirkan tahap pematuhan dan langkah-langkah alternatif yang diambil oleh Kumpulan sekiranya terdapat sebarang penyimpangan dari Kod Amalan. Dalam menyediakan laporan ini, Lembaga Pengarah telah mengambilkira setakat mana ia telah mematuhi Kod Amalan tersebut.

PARA PENGARAH

Komposisi Lembaga Pengarah

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004, Lembaga Pengarah mempunyai sembilan (9) orang ahli dengan komposisi terdiri dari lima (5) orang Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif manakala selebihnya Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Lembaga Pengarah memastikan peruntukan Perenggan 15.02 Syarat-Syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad dipatuhi sepenuhnya di mana sekurang-kurangnya satu pertiga (1/3) daripada Pengarah terdiri dari Pengarah Bebas.

Syarikat memastikan terdapat pemisahan kuasa dan tanggungjawab antara Pengerusi dan Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif manakala para Pengarah yang lain membantu dengan baik dari segi peranan untuk mengseimbangkan kuasa dan tanggungjawab tersebut. Y. A. Bhg. Tun Dato' Seri Hj. Mohd. Eusoff bin Chin adalah Pengerusi Bintulu Port Holdings Berhad manakala Encik Mior Ahmad Baiti bin Mior Lub Ahmad memegang jawatan sebagai Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif berkuatkuasa 1 Julai 2004 berikutan persaraan Y. Bhg. Dato' Capt. Awangku Abdul Malit @ Awangku Malyx bin Pengiran Mahran yang memegang jawatan Pengarah Urusan Kumpulan sehingga 30 Jun 2004.

Latihan Lembaga Pengarah

Kesemua Pengarah yang dilantik telah didedahkan dengan maklumat terkini mengenai peranan mereka sebagai Pengarah dengan menghadiri program pendidikan berterusan (Continuous Education Programme [CEP]) yang dianjurkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad atau syarikat yang dikenalpasti dan lain-lain latihan atau seminar yang dikenalpasti oleh Kumpulan. Para Pengarah yang dilantik mempunyai pengalaman yang luas, ilmu dan kepakaran dari Perkhidmatan Awam dan juga Swasta, dengan itu, boleh melaksanakan keputusan yang berkecuali terhadap isu strategi, prestasi dan piawaian perilaku yang digunapakai untuk industri pelabuhan dan aktiviti perniagaan yang berkaitan.

Syarikat telah memastikan bahawa semua pengarah yang baru dilantik akan menghadiri Mandatory Accreditation Programme (MAP) dan CEP serta mengumpul mata yang diperlukan sepertimana peruntukan di bawah Syarat-Syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad. Antara kursus-kursus yang telah dihadiri oleh para Pengarah adalah termasuk Pengurusan Risiko, Isu berkaitan undang-undang terkini, Jawatankuasa Audit, Urustadbir Korporat, Perancangan Strategik dan Perniagaan serta Perancangan Integrasi Korporat.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah mengekalkan kuasa yang efektif sepenuhnya terhadap hubungan Syarikat dan Kumpulan. Ini termasuk tanggungjawab menentukan pembangunan dan halatuju yang strategik bagi Syarikat dan Kumpulan.

PENYATA BERKAITAN DENGAN URUSTADBIR KORPORAT (BERSAMBUNG)

Selain itu, Lembaga Pengarah telah menubuhkan beberapa Jawatankuasa untuk melaksanakan beberapa aktiviti bagi membantu Lembaga Pengarah dalam memastikan pematuhan kepada Kod Berkaitan Urustadbir Korporat. Tugas yang tertentu telah diagihkan kepada Jawatankuasa Lembaga Pengarah, yang mana kesemuanya mempunyai terma dan syarat yang jelas. Jawatankuasa tersebut mempunyai kuasa untuk meneliti isu yang dibentangkan di peringkat Jawatankuasa sebelum diperakukan kepada Lembaga Pengarah dengan cadangan dan syor Jawatankuasa.

Jawatankuasa yang ditubuhkan adalah seperti berikut:-

1. Jawatankuasa Audit;
2. Jawatankuasa Penamaan;
3. Jawatankuasa Ganjaran; dan
4. Jawatankuasa Kewangan dan Pengurusan Risiko

Untuk maklumat lanjut berkaitan peranan Jawatankuasa tersebut, sila rujuk mukasurat 26 hingga 27 pada Laporan Tahunan ini.

Pembekalan Maklumat

Notis, agenda dan kertaskerja mesyuarat akan diedarkan kepada setiap ahli sebelum setiap mesyuarat Lembaga Pengarah dan tempoh munasabah diberikan kepada setiap Pengarah untuk mendapatkan penjelasan lanjut di mana berkenaan agar mereka dapat berbincang sebaiknya. Kesemua Pengarah mempunyai kesempatan yang sama untuk mendapatkan maklumat berkaitan perkara yang dikemukakan, mempunyai hak untuk mendapatkan penjelasan serta data lanjut, mendapatkan nasihat pihak luar ke atas perkara yang khusus dan berhak untuk memanggil pihak Pengurusan bagi membentangkan dengan lebih lanjut perkara yang dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk membuat keputusan.

Mesyuarat Lembaga Pengarah

Sebanyak lapan (8) Mesyuarat Lembaga Pengarah termasuk satu (1) yang diadakan secara edaran telah diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004. Sila rujuk Penyata Berserta Notis Mesyuarat Agung Tahunan pada mukasurat 10 bagi butiran terperinci berkaitan kehadiran para Pengarah dalam mesyuarat.

Persaraan dan Pemilihan Semula dalam Lembaga Pengarah

Dalam menentukan pematuhan kepada Artikel 127, Tataurus Syarikat dan Perenggan 7.28 pada Syarat-Syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad, satu pertiga (1/3) daripada para Pengarah adalah tertakluk kepada persaraan secara pusingan dalam setiap Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat. Jawatankuasa Penamaan bertanggungjawab memperakukan calon-calon bagi jawatan Pengarah untuk kelulusan para Pemegang Saham atau Lembaga Pengarah.

Untuk maklumat lanjut berkaitan para Pengarah yang akan dipilih semula, sila rujuk Penyata Berserta Notis Mesyuarat Agung Tahunan di mukasurat 10 pada Laporan Tahunan ini.

Ganjaran Para Pengarah

Ganjaran para Pengarah dicadangkan oleh Jawatankuasa Ganjaran sebelum diluluskan oleh ahli-ahli dalam Mesyuarat Agung Tahunan. Dalam menentukan ganjaran tersebut, Jawatankuasa dan Lembaga Pengarah akan membuat perbandingan dengan amalan industri yang melibatkan organisasi yang hampir sama. Jawatankuasa Ganjaran akan memastikan Pengarah Eksekutif tidak akan terlibat dalam membincangkan pakej ganjarannya. Syarikat turut menyediakan peruntukan untuk pembayaran balik bagi perbelanjaan yang munasabah yang ditanggung oleh para Pengarah semasa melaksanakan tugas rasmi Syarikat.

PENYATA BERKAITAN DENGAN URUSTADBIR KORPORAT (BERSAMBUNG)

Maklumat lengkap mengenai ganjaran setiap Pengarah Syarikat adalah seperti dinyatakan di bawah ini.

KUMPULAN BINTULU PORT HOLDINGS BERHAD - Ganjaran Pengarah bagi Tahun 2004

Bil	Nama Pengarah	Gaji & lain-lain Emolumen (RM)	Elaun Mesyuarat Lembaga Pengarah (RM)	Yuran Pengarah (RM)	Jumlah (RM)
1.	Pengarah Eksekutif	169,056	9,500	48,000	226,556
	Dato' Capt. Awangku Abdul Malit @ Awangku Malyx bin Pengiran Mahran (Bersara sebagai Pengarah Urusan pada 30 Jun 2004, walaupun bagaimanapun masih menjadi Pengarah Bukan Eksekutif mulai 1 Julai 2004)				
1.	Pengarah Bukan Eksekutif	-			
	Tun Dato' Seri Hj. Mohd Eusoff bin Chin				
	Tan Sri Dato' Sri Dr. Samsudin bin Hitam				
	Datuk Mohamed Adnan bin Ali				
	Dato' Abdul Rahim Bin Mokti				
	Subkey bin Abdul Wahab				
	Dato' Shamsul Azhar bin Abbas (Dilantik pada 29 Julai 2004)				
	Datuk Fong Joo Chung (Dilantik pada 16 September 2004)				
	Datu Hj. Abang Halmi bin Ikhwan (Dilantik pada 4 November 2004)				
	Dato' Hj. Mohd Ali bin Hj. Yasin (Tamat sebagai Pengarah berikutan kematian pada 18 April 2004)				
Jumlah Keseluruhan		169,056	68,000	352,484	589,540

Bilangan Pengarah Syarikat yang ganjarannya termasuk dalam lingkungan berikut:-

Julat Ganjaran	Bilangan Pengarah	
	Eksekutif	Bukan Eksekutif
Kurang dari RM50,000.00	-	6
RM50,001.00 hingga RM100,000.00	-	3
RM100,001.00 hingga RM200,000.00-	-	-
Melebihi RM200,000.00	1	-

PENYATA BERKAITAN DENGAN URUSTADBIR KORPORAT (BERSAMBUNG)

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Mesyuarat Agung Tahunan merupakan forum utama bagi dialog dengan para Pemegang Saham. Notis akan dikeluarkan kepada para Pemegang Saham sekurang-kurangnya 21 hari sebelum tarikh mesyuarat. Pada setiap Mesyuarat Agung Tahunan, Lembaga Pengarah akan membentangkan laporan kemajuan dan prestasi perniagaan serta menggalakkan para Pemegang Saham untuk mengemukakan soal-an semasa sesi soal jawab. Pengerusi akan membentangkan kepada para Pemegang Saham mengenai operasi Kumpulan pada tahun kewangan dan menggariskan prospek Kumpulan bagi tahun berikutnya, Sidang akhbar akan diadakan serta merta selepas Mesyuarat Agung Tahunan di mana Pengerusi akan memaklumkan pihak akhbar resolusi-resolusi yang telah diputuskan serta menjawab soal-an-soalan yang dikemukakan oleh pihak akhbar berkaitan Kumpulan.

Kumpulan memastikan bahawa sekiranya terdapat sebarang agenda khas yang dimasukkan dalam notis mesyuarat, ianya akan disertakan dengan laporan lengkap mengenai kesan ke atas cadangan resolusi tersebut untuk membantu pemahaman sepenuhnya dan penilaian terhadap isu tersebut oleh para Pemegang Saham.

HUBUNGAN DENGAN PARA PEMEGANG SAHAM DAN PELABUR

Kumpulan mengakui kepentingan berkomunikasi dengan para pemegang saham, pelabur dan para penganalisa. Ini dilakukan melalui Mesyuarat Agung Tahunan dan pengedaran Laporan Tahunan kepada para pemegang saham dan pelabur. Sebagai tambahan ke atas pengumuman yang dibuat dalam tahun semasa, Syarikat juga mengadakan dialog dan taklimat kepada para pelabur dan juga penganalisa di mana berkaitan untuk menerangkan strategi Kumpulan, prestasi dan pembangunan utama yang dilaksanakan oleh Kumpulan. Walau bagaimanapun, sebarang maklumat yang dianggap sebagai rahsia tidak akan didedahkan kepada mana-mana pihak.

Kumpulan sentiasa menjalin hubungan baik dengan para Pemegang Saham Utama Syarikat khususnya Menteri Kewangan Diperbadankan (MoF Inc.), Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS), Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak, Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP). Kesemua para Pemegang Saham Utama kecuali Khazanah dan Kumpulan Wang Amanah Pencen mempunyai wakil dalam Lembaga Pengarah Bintulu Port Holdings Berhad.

AKAUNTABILITI DAN AUDIT

Laporan Kewangan

Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan dan pengumuman keputusan suku tahun kewangan kepada Bursa Malaysia Securities Berhad, para Pengarah mengambil tanggungjawab untuk membentangkan kedudukan dan prospek Kumpulan yang seimbang, jelas dan mudah difahami. Jawatankuasa Audit membantu Lembaga Pengarah dalam meneliti maklumat yang diumumkan bagi memastikan ketepatan dan kesempurnaannya.

Kawalan Dalaman

Penyata berkaitan Kawalan Dalaman ada disertakan di mukasurat 50 hingga 51 pada Laporan Tahunan ini yang mana memberi penjelasan menyeluruh mengenai kawalan dalaman di dalam Kumpulan.

Jawatankuasa Audit dan Hubungan Dengan Juruaudit

Maklumat berkaitan Jawatankuasa Audit dan hubungannya dengan Juruaudit Luar boleh diperolehi pada Laporan Jawatankuasa Audit sepertimana di mukasurat 30 hingga 31 pada Laporan Tahunan. Kumpulan telah menjalin hubungan kerja yang baik dengan Juruauditnya melalui Jawatankuasa Audit dan Jabatan Audit Dalam. Jawatankuasa Audit sentiasa menjaga hubungan secara profesional dengan Juruaudit Luar dengan memastikan Kumpulan mengambil langkah-langkah yang perlu yang diutarakan kepada Kumpulan. Di mana perlu, mesyuarat bersama Juruaudit Luar juga diadakan.

PENYATA BERKAITAN DENGAN URUSTADBIR KORPORAT (BERSAMBUNG)

STATUS PENGGUNAAN DANA TERBITAN AWAM AWAL

Setakat 31 Disember 2004, penggunaan Dana Terbitan Awam Awal adalah seperti berikut:-

Penggunaan	Penggunaan yang diluluskan (RM'000)	Harga Tawaran Sebenar (RM'000)	Jumlah Sebenar Dana yang digunakan Setakat 31/12/2004 (RM'000)	Baki Penggunaan Perolehan (RM'000)	Jangkaan Tarikh Siap seperti dalam Prospektus	Tarikh Siap Baru yang diluluskan
Pembinaan Kemudahan Gudang						
• Gudang Baja Pukal	20,000	16,975	(8,540)	3,025	Mac 2003	Sept 2005
• Produk Kayu Kayan	10,000	-	-	10,000	Dis 2002	Mac 2006
Peralatan Tambahan / Kemudahan untuk BICT						
• Mobile-Harbour Cranes	16,000	9,495	(9,495)	6,505	Dis 2002	Selesai pada 7/3/03
• Rubber-Tyred Gantry Cranes	12,000	8,685	(8,447)	3,315	Dis 2003	Selesai pada 16/5/2004
• Container Freight Station	10,000	-	-	10,000	Dis 2003	Dis 2006
• Container Stacking Yard	10,000	-	-	10,000	Dis 2003	Dis 2006
Perolehan 5 unit Bot Tunda	71,000	75,471	(58,248)	(4,471)	Dis 2002	Selesai pada 15/11/2002
- 2 unit 25 tan bot tunda		25,971	(25,946)			Jun 2006
- 3 unit 45 tan bot tunda		49,500	(32,302)			
Perbelanjaan Penyenaraian	11,000	11,160	(11,160)	(160)	-	-
Modal Kerja	40,000	40,000	(40,000)	-	-	-
Jumlah	200,000	161,786	(135,890)	38,214		

PENYATA BERKAITAN DENGAN URUSTADBIR KORPORAT (BERSAMBUNG)

URUSNIAGA BERULANG PIHAK BERKAITAN BAGI JENIS HASIL

Tiada urusanniaga berulang pihak berkaitan baru yang terlibat dengan Kumpulan ini melainkan pihak yang sedia ada iaitu Menteri Kewangan Diperbadankan (MoF Inc.), Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak dan Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS). Transaksi yang terlibat adalah urusanniaga dalam keadaan biasa dan tidak menguntungkan pihak berkaitan berbanding dengan yang boleh didapati oleh pihak awam secara umumnya. Perkhidmatan yang diberikan atau barangan yang dibeli adalah berdasarkan harga tetap yang tidak boleh dirunding dan diterbitkan atau disebut harga secara umum dan semua terma utama termasuk harga atau caj dikenakan secara konsisten ke atas semua pelanggan atau kelas pelanggan. Syarikat telah memohon pengecualian daripada Bursa Malaysia Securities Berhad (BMSB) dalam hal urusanniaga pihak berkaitan dan pengecualian tersebut telah diperolehi pada 14 Julai 2004. Khazanah dan Kumpulan Wang Amanah Pencen masing-masing telah mengesahkan bahawa tiada urusanniaga berulang pihak berkaitan bagi jenis hasil yang melibatkan syarikat ini.

YURAN BUKAN AUDIT

Jumlah yuran bukan audit yang dibayar berbayar kepada juruaudit luar oleh Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004 adalah seperti berikut:

	RM
Mengkaji Penyata Kawalan Dalaman	7,000
Penyediaan Penyata Kewangan	8,000
Urusan Percukaian Syarikat	30,000
	<u>45,000</u>

KONTRAK UTAMA

Tiada kontrak utama oleh syarikat dan subsidiarinya yang melibatkan kepentingan pada Pengarah dan Pemegang Saham Utama yang belum dilaksanakan pada akhir tahun kewangan.


PENGENAAN HUKUMAN/PENALTI TERHADAP SYARIKAT DAN SUBSIDIARINYA BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2004

Tiada sebarang hukuman atau penalti yang dikenakan terhadap syarikat, subsidiarinya, Lembaga Pengarah dan Pengurusan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004.


BUTIR TERPERINCI MENGENAI KEHADIRAN MESYUARAT YANG DIADAKAN PADA TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2004

Bagi butir terperinci mengenai kehadiran, sila rujuk mukasurat 10 dan 26 hingga 27 masing-masing pada Penyata Berserta Notis Mesyuarat dan Jawatankuasa Lembaga.

Penyata ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang bertarikh 13 Januari 2005.



Tun Dato' Seri Hj. Mohd Eusoff bin Chin
Pengerusi



Datuk Mohamed Adnan bin Ali
Pengarah

STATEMENT IN REFERENCE TO CORPORATE GOVERNANCE

INTRODUCTION

In adhering to the principles of good corporate governance, the Board of Bintulu Port Holdings Berhad is committed to implement the best practices and uphold high standards of business integrity in all activities undertaken by the Group. This includes a commitment to comply with all requirements set out by Bursa Malaysia Securities Berhad (BMSB) and sustenance of good corporate governance in the conduct of business activities within the Group.

THE CODE

The Code requires the Board to disclose the extent of compliance and the alternative measures taken by the Group should there be any deviations to the Code. In preparing this report, the Board has taken into account the manner in which it has complied with the Best Practices of the Code.

DIRECTORS

Composition of the Board

For the financial year ended 31 December 2004, the Board has nine (9) members of which the composition is made up of five (5) non-independent non-executive directors and the balance, independent non-executive directors. The Board ensures that the requirement of Paragraph 15.02 of the Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad is complied with whereby at least one third (1/3) of the appointed directors are independent directors.

The Company ensures that there is a separation of responsibility in regards to power and authority between the Chairman and the Managing Director/Chief Executive Officer while the other directors provide a good complementary role to the balance of power and authority. Y. A. Bhg. Tun Dato' Seri Hj. Mohd. Eusoff bin Chin is the Chairman of Bintulu Port Holdings Berhad while Encik Mior Ahmad Baiti bin Mior Lub Ahmad resuming the office as Acting Chief Executive Officer beginning 1 July 2004 following the retirement of Y. Bhg. Dato' Capt. Awangku Abdul Malit @ Awangku Malyx bin Pengiran Mahran who had held the post of Group Managing Director until 30 June 2004.

Training of the Board

All the appointed directors are being exposed to the latest information on their roles as directors by attending Continuous Education Programme (CEP) held by the Bursa Malaysia Securities Berhad (BMSB) or its associates and other relevant training programmes and seminars as identified by the Group. The directors appointed have vast experiences, knowledge, skills and expertise from both the private sector and the Government, thus able to exercise independent judgement on issues of strategy, performance, resources and standard of conduct which are relevant to the port industry and its related business activities.

The Company ensured that the newly appointed directors shall undergo the Mandatory Accreditation Programme (MAP) and the CEP and to accumulate the required points as provided for under the Listing Requirements. Among courses attended by the directors inclusive of the Risk Management, updates on the Regulatory Issues, Audit Committees, Corporate Governance, Business and Strategic Planning as well as the Integrated Corporate Planning.

Boards Responsibility

The Board retains full and effective control over the affairs of the Company and the Group. This includes responsibility for determining the Company and the Group's development and overall strategic direction.

STATEMENT IN REFERENCE TO CORPORATE GOVERNANCE (CONTINUED)

Further, the Board has established several committees to carry out the necessary activities in assisting the Board to ensure the compliance to the code of corporate governance. Specific responsibilities have been delegated to the Board's committee, all of which have their clearly defined terms of reference. These committees have the authority to examine the issues tabled before them and thereafter report back to the Board with recommendations and comments.

The Committees established are as follows:-

1. The Audit Committee;
2. The Nominating Committee;
3. The Remuneration Committee; and
4. The Finance and Risk Management Committee.

For further information on the roles of the Committees, kindly refer to Board Committees on page 28 to 29 of the Annual Report.

Supply of Information

Notice of meeting, agenda and Board papers are distributed to each member prior to each Board meeting and sufficient time is given to the directors to enable them to obtain further explanations, where necessary, so that the meeting will be well participated. All directors had full access to information pertaining to matters placed before them, have the opportunity to call for additional clarification and data, seeking external advice on specialised matters and entitled to call for full disclosure by the management on matters that are placed before them for decisions.

Board Meeting

A total of eight (8) Board of Directors' Meetings including one (1) by way of circulation were held during the financial year ended 31 December 2004. Kindly refer to the Statement Accompanying Notice of Annual General Meeting on page 11 of the Annual Report for further details on the Board of Directors' attendance.

Retirement and Re-election of Board of Directors

Adherence to Article 127 of the Company's Articles of Association and also Para 7.28 of the Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad, one third (1/3) of the Directors who are subject to retirement by rotation shall retire from office in every Annual General Meeting. The Nominating Committee is responsible to recommend to the Board candidates for all directorships to be approved by the shareholders or the board.

For further details of the directors standing for re-election, kindly refer to Statement Accompanying Notice of Annual General Meeting on page 11 of the Annual Report.

Directors' Remuneration

The Directors' remuneration is proposed by the Remuneration Committee before tabling to the Board prior to endorsement by the members in its Annual General Meeting. The Committee and the Board also makes necessary reference to industry practice involving comparable organisations in making the recommendation. The Remuneration Committee ensures that the executive directors shall not participate in making decisions on their own remuneration packages. The company provides provision for reimbursement of reasonable expenses incurred by the Directors in the course of carrying out their duties as Directors.

STATEMENT IN REFERENCE TO CORPORATE GOVERNANCE (CONTINUED)

Details of the remunerations for each Director of the Company for the year 2004 are set out below.

BINTULU PORT HOLDINGS BERHAD GROUP - Directors' Remuneration for Year 2004

No	Name of Directors	Salary & Other Emoluments (RM)	Directors' Meeting Allowances (RM)	Directors' Fees (RM)	Total (RM)
1.	Executive Director	169,059	9,500	48,000	226,556
	Dato' Capt. Awangku Abdul Malit @ Awangku Malyx bin Pengiran Mahran (Retired as Managing Director on 30 June 2004 but remain as Non Executive Director effective 1 July 2004)				
Non-Executive Directors		-			
1.	Tun Dato' Seri Hj. Mohd Eusoff bin Chin				
2.	Tan Sri Dato' Sri Dr. Samsudin bin Hitam				
3.	Datuk Mohamed Adnan bin Ali				
4.	Dato' Abdul Rahim Bin Mokti				
5.	Subkey bin Abdul Wahab				
6.	Dato' Shamsul Azhar bin Abbas (Appointed on 29 July 2004)				
7.	Datuk Fong Joo Chung (Appointed on 16 September 2004)				
8.	Datu Hj. Abang Halmi bin Ikhwan (Appointed on 4 November 2004)				
9.	Dato' Hj. Mohd Ali bin Hj. Yasin (Ceased as Director following his demise on 18 April 2004)				
Grand Total		169,056	68,000	352,484	589,540

Number of Directors of the Company whose total remuneration fell in the following bands:-

Remuneration Range	Number of Directors	
	Executive	Non-Executive
Below RM50,000.00	-	6
RM50,001.00 to RM100,000.00	-	3
RM100,001.00 to RM200,000.00	-	-
Above RM200,000.00	1	-

STATEMENT IN REFERENCE TO CORPORATE GOVERNANCE (CONTINUED)

ANNUAL GENERAL MEETING

Annual General Meeting has been the principal forum for dialogue with shareholders. Notices are sent out to shareholders at least 21 days before the date of the meeting. At each Annual General Meeting, the Board presents the progress and performance of the business and encourages the shareholders to participate in the question and answer session. The Chairman addresses the shareholders on the Group's operation for the financial year and outlines the prospects of the Group for the subsequent financial year. A press conference is held immediately after the Annual General Meeting where the Chairman advises the press on the resolutions passed and answers questions raised by the press on the Group.

The Group ensures that any special business included in the notice of meeting will be accompanied by a full explanation of the effects of a proposed resolution in order to facilitate full understanding and evaluation of the issues by the shareholders.

RELATIONSHIP WITH SHAREHOLDERS AND INVESTORS

The Group acknowledges the importance of communicating to its shareholders, investors and analysts. This is done through the Annual General Meeting and distribution of Annual Reports to the shareholders and investors. In addition to various announcements made during the year, the Company also hold dialogues and presentations to the investors and analysts where appropriate to explain the Group's strategy, performance and major developments undertaken by the Group. However, any information that may be regarded as undisclosed material information of the Group will not be given.

The Group has always maintained good rapport with the substantial shareholders, in particular the Minister of Finance Incorporated (MoF Inc.), Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS), Sarawak State Financial Secretary, Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) and Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP). All the substantial shareholders except Khazanah and Kumpulan Wang Amanah Pencen had their representatives sitting as Director in the Board of Bintulu Port Holdings Berhad.

ACCOUNTABILITY AND AUDIT

Financial Reporting

In presenting the annual financial statements and making quarterly financial announcement to the Bursa Malaysia Securities Berhad, the Directors take responsibility to present a balanced, clear and understandable manners of the Group's position and prospects. The Audit Committee assists the Board in scrutinising information for disclosure to ensure accuracy and completeness.

Internal Control

The Statement of Internal Control is furnished on page 52 to 53 of this Annual Report which provides an overview of the state of internal control within the Group.

The Audit Committee and Relationships with the Auditors

Information on the Audit Committee and its relationship with the External Auditors can be found in the Audit Committee Report which is set out on page 32 to 33 of this Annual Report. The Group has established a good working relationship with its auditor through the Audit Committee and the Internal Audit Department. The Audit Committee has always maintained a professional relationship with the External Auditors by ensuring the Group taking the necessary action to address the key issues highlighted to the Group. Where necessary, meetings with the External Auditors are held.

STATEMENT IN REFERENCE TO CORPORATE GOVERNANCE (CONTINUED)

STATUS OF UTILISATION OF PROCEEDS FROM THE INITIAL PUBLIC OFFER

As at 31 December 2004, the proceeds from initial public offer was utilised as follows:

Utilisation	Approved Utilisation (RM'000)	Actual Contract Sum (RM'000)	Actual Utilisation as at 31/12/2004 (RM'000)	Balance of Utilisation of Proceed (RM'000)	Completion Date as per Prospectus	Approved New Completion Date
Construction of warehouse facilities						
• Bulk fertilizer warehouse	20,000	16,975	(8,540)	3,025	March 2003	Sept 2005
• Timber products	10,000	-	-	10,000	Dec 2002	March 2006
Additional equipment / facilities for BICT						
• Mobile-Harbour Cranes	16,000	9,495	(9,495)	6,505	Dec 2002	Completed on 7/3/03
• Rubber-Tyred Gantry Cranes	12,000	8,685	(8,447)	3,315	Dec 2003	Completed on 16/5/04
• Container Freight Station	10,000	-	-	10,000	Dec 2003	Dec 2006
• Container Stacking Yard	10,000	-	-	10,000	Dec 2003	Dec 2006
Purchase of 5 units Tugboats	71,000	75,471	(58,248)	(4,471)	Dec 2002	Completed on 15/11/02
- 2 units 25 tons tugboats		25,971	(25,946)			June 2006
- 3 units 45 tons tugboats		49,500	(32,302)			
Listing expenses	11,000	11,160	(11,160)	(160)	-	-
Working capital	40,000	40,000	(40,000)	-	-	-
Total	200,000	161,786	(135,890)	38,214		

STATEMENT IN REFERENCE TO CORPORATE GOVERNANCE (CONTINUED)

RECURRENT RELATED PARTY TRANSACTIONS OF A REVENUE NATURE

There are no new related parties involved with the Group other than existing ones which comprises the Minister of Finance Incorporated (MoF Inc.), State Financial Secretary, Sarawak and Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS). The transactions involved are in the ordinary course of business and are on terms not favourable to the related party than those generally available to the public. The services rendered or goods purchased are based on a non-negotiable fixed price which is published or publicly quoted and all material terms including the prices or charges are applied consistently to all customers or classes of customers. The Company has sought exemption from the Bursa Malaysia Securities Berhad (BMSB) in respect of the related party transactions and was granted the said exemption on 14 July 2004. Both Khazanah and Kumpulan Wang Amanah Pencen had confirmed that there are no related party transactions of a revenue nature in relations to the Company.

NON-AUDIT FEES

The amount of non-audit fees paid and payable to the external auditor by the Group for the financial year ended 31 December 2004 is as follows:

	RM
Review of Statement of Internal Control	7,000
Drafting of Accounts	8,000
Corporate Tax Services	30,000
	<u>45,000</u>

MATERIAL CONTRACT

There was no material contracts entered into by the Company and its subsidiaries involving the Directors' and major shareholders' interest still subsisting at the end of the year.


IMPOSITION OF SANCTION/PENALTIES ON THE COMPANY AND ITS SUBSIDIARIES FOR THE FINANCIAL YEAR ENDED 31 DECEMBER 2004

There was no sanction or penalties imposed on the Company, its subsidiary, Board members and Management for the financial year ended 31 December 2004.


DETAILS OF ATTENDANCE AT MEETINGS HELD IN THE FINANCIAL YEAR ENDED 31 DECEMBER 2004

For attendance, please refer to page 11 and 28 to 29 of Statement Accompanying Notice of Annual General Meeting and Board Committee respectively.

Statement made in accordance with the resolution of the Board of Directors dated 31 January 2005.



Tun Dato' Seri Hj. Mohd Eusoff bin Chin
Chairman



Datuk Mohamed Adnan bin Ali
Director

PENYATA BERKAITAN DENGAN KAWALAN DALAMAN

Pengenalan

Selaras dengan Perenggan 15.27 (b) pada Syarat-Syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad, Lembaga Pengarah dikehendaki memasukkan Penyata Berkaitan Dengan Kawalan Dalam pada Laporan Tahunan Syarikat. Sehubungan itu, Lembaga Pengarah adalah komited untuk memastikan terdapat sistem kawalan dalaman yang mantap di dalam Kumpulan syarikat melalui proses aktiviti Audit Dalam di samping penelitian serta kawalan oleh beberapa Jawatankuasa di peringkat Lembaga Pengarah seperti Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Kewangan dan Pengurusan Risiko.

Tanggungjawab

Lembaga Pengarah Bintulu Port Holdings Berhad mengakui kepentingan sistem kawalan dalaman bagi meningkatkan urustadbir korporat yang baik dan menerima tanggungjawab sepenuhnya ke atas keberkesanan sistem tersebut meliputi pengurusan risiko, kewangan, operasi dan aspek pematuhan dalam Kumpulan syarikat.

Walau bagaimanapun, harus diingat bahawa sistem kawalan dalaman berkenaan digubal untuk mengurus daripada menghapuskan risiko bagi mencapai objektif perniagaan dan polisi Kumpulan syarikat tersebut. Sehubungan itu, ianya boleh memberi jaminan munasabah dan bukannya jaminan mutlak kepada kemungkinan kerugian sebenar yang akan dialami.

Dalam melaksanakan objektif tersebut, peranan Pengurusan adalah untuk mengimplementasikan polisi-polisi Lembaga Pengarah dalam pengurusan risiko, kawalan dan memastikan pematuhan ke atas kawalan dalaman diletakkan pada tempatnya dalam melaksanakan urusan operasi seharian.

Proses Utama

Lembaga Pengarah mengesahkan bahawa terdapat kesinambungan proses untuk mengenalpasti, menilai dan mentadbir risiko yang signifikan yang dihadapi oleh Kumpulan yang mana boleh dianggap wujud sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004.


Proses utama yang diwujudkan oleh para Pengarah dalam meneliti kewibawaan sistem kawalan dalaman adalah seperti berikut:-

- Lembaga Pengarah menerima dan meneliti laporan yang dikemukakan oleh Pengurusan, antaranya berkaitan isu operasi, kewangan, statistik dan perkara berkaitan undang-undang.

PENYATA BERKAITAN DENGAN KAWALAN DALAMAN (BERSAMBUNG)

- Lembaga Pengarah meluluskan cadangan maklumbalas atau pindaan yang munasabah terhadap polisi-polisi Kumpulan syarikat.
- Kumpulan melaksanakan belanjawan yang komprehensif dan unjuran serta mewujudkan indikator prestasi terhadap perniagaan yang dinilai. Varian dalam prestasi berbanding belanjawan akan dianalisa dan dilaporkan pada setiap suku tahun kepada Lembaga Pengarah. Tindakan pembaikan akan diambil dalam tempoh yang munasabah. Unjuran akan dikaji pada setiap setengah tahun dengan mengambil kira keadaan pasaran dan risiko perniagaan yang signifikan.
- Jabatan Audit Dalam yang melaporkan kepada Jawatankuasa Audit di peringkat Lembaga Pengarah, kerap membuat kajian ke atas kesan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman perniagaan. Jawatankuasa Audit akan membuat kajian tahunan ke atas skop kerja Jabatan Audit Dalam dan keperluan yang berkaitan.
- Bagi pihak Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit akan mengkaji secara kerap dan mengadakan perbincangan dengan Pengurusan ke atas tindakan yang perlu diambil dalam sistem kawalan dalaman, isu yang dikenalpasti dalam laporan yang disediakan oleh Jabatan Audit Dalam, Juruaudit Luar dan juga Pengurusan.
- Telah wujud dengan jelas rangka kerja bagi prestasi pelaburan meliputi penerimaan projek dan aplikasi perbelanjaan modal. Jawatankuasa Tender diwujudkan untuk memastikan penilaian tender dibuat secara efektif, telus dan adil.
- Profesionalisma dan kompetensi staf dijaga melalui proses rekrut yang profesional, sistem penilaian prestasi termasuk Indikator Prestasi Utama (Key Performance Indicator) dilaksanakan dan pelbagai latihan serta program pembangunan.
- Kumpulan mempunyai kod etika bagi pekerjaanya yang mana diberikan kepada semua staf semasa menyertai syarikat. Dalam melaksanakan tugas, semua staf dikehendaki mematuhi kod etika tersebut.
- Kumpulan telah mewujudkan Sistem Pengurusan Kualiti (QMR) untuk memastikan kepatuhan terhadap semua prosidur. Di samping itu, pengauditan dalaman dibuat setiap setengah tahun bagi menjamin pematuhan sepenuhnya dan memastikan kepuasan pelanggan.
- Tidak terdapat kerugian yang besar dalam tempoh tahun kewangan semasa kesan daripada kawalan dalaman yang lemah. Lembaga Pengarah dan Pengurusan terus berusaha mengambil langkah yang sesuai dan memperkukuhkan sistem yang terkawal.

Penyata ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang bertarikh 13 Januari 2005.



Tun Dato' Seri Hj. Mohd Eusoff bin Chin
Pengerusi



Datuk Mohamed Adnan bin Ali
Pengarah

STATEMENT OF INTERNAL CONTROL

Introduction

In line with Paragraph 15.27 (b) of the Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad (BMSB), the Board is required to include the Statement of Internal Control in its annual report. Hence, the Board is committed to maintain a sound system of Internal Control within the Group through the process of internal audit activities as well as review and control of the various committees of the Board such as the Audit Committee and the Finance and Risk Management Committee.

Responsibilities

The Board of Bintulu Port Holdings Berhad recognises the importance of internal control for the enhancement of good corporate disclosures and thus, acknowledges its overall responsibility of ensuring the effectiveness and adequacy of the system to cover the risk management, financial, operational and compliance aspect within the Group.

It should be noted however that the internal control framework is designed to manage rather than eliminate the risk of failure to achieve the business objectives, goals and policies of the Group. Therefore, it can only provide reasonable and not absolute assurance against material misstatement or loss.

In pursuing this objective, the role of the management is to implement the Board's policies on risk management, control and to ensure that the implementation and compliance of those internal controls are in place in its day-to-day operations.

Key Processes

The Board confirms that there is a continuous process for identifying, evaluating and managing the significant risks faced by the Group, which has been deemed to be present throughout the financial year ended 31 December 2004.


The key process that the directors have established in reviewing the adequacy and integrity of the system of internal control are as follows:-

- The Board receives and reviews regular reports from the management among others, on operational, financial, statistical, legal and regulatory matters.


STATEMENT OF INTERNAL CONTROL (CONTINUED)

- The Board approves appropriate responses or amendments to the Group's policies.
- The Group performs comprehensive budgeting and forecasting exercise and establishment of performance indicators against which business can be evaluated. The variances in performance against the budget are analysed and reported on a quarterly basis to the Board. Corrective actions are then taken in a timely manner. Forecasts are reviewed semi annually taking into account the changes in market conditions and significant business risks.
- The Internal Audit Department, reporting to the Board's Audit Committee performs regular reviews of business processes to assess the effectiveness of internal controls. The Audit Committee conducts annual reviews on the adequacy of the Internal Audit Department's scope of work and resources.
- The Audit Committee on behalf of the Board regularly reviews and holds discussions with management on the actions taken within the internal control system, issues identified in reports prepared by the Internal Audit Department, the external auditors and the management.
- There is a clearly defined framework by investment appraisal covering the acceptance of projects and application of capital expenditure. Tender Committees are established to ensure tender evaluation exercises are conducted in an effective, transparent and fair manner.
- The professionalism and competence of staff is maintained through a professional recruitment process, a fair performance appraisal system which includes Key Performance Indicators being implemented and various training and development programmes.
- The Group has its own Code of Conduct for its employees, which is issued to all staff upon joining the company. In performing their duties, all staff are required to adhere strictly to the said code.
- The Group has established Quality Management System to ensure compliance with all Procedures. In addition, internal auditing is conducted semi annually for continuous compliance and enhancement of customers' satisfaction.
- There were no material or significant losses incurred during the current financial year as a result of weaknesses in internal control. The Board and management continue to take appropriate measures to improve and strengthen the control system.

This statement is made in accordance with the resolution of the Board of Directors dated 13 January 2005.



Tun Dato' Seri Hj. Mohd Eusoff bin Chin
Chairman



Datuk Mohamed Adnan bin Ali
Director

PENYATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



Mukadimah

Kumpulan telah memasuki tahun keempat penyenaiaannya di Papan Utama Bursa Malaysia dan kini telah mengekalkan kedudukannya serta meneliti peluang untuk perkembangan dan pembangunan masa hadapan.

Tahun 2004 adalah tahun peralihan bagi Kumpulan dan merupakan tahun yang mencabar dalam menyelaraskan semula aktiviti korporat demi mencapai objektif dan misi Kumpulan. Dalam hal ini, Bintulu Port Holdings Berhad telah meneliti semula aktiviti dan memanfaatkan keupayaan teknikal dan kewangan dalam usaha mengharungi cabaran untuk kejayaan perniagaannya. Sehubungan itu, kita perlu memandang ke hadapan ke arah era pembangunan baru dan masa depan yang cerah sejajar dengan pembangunan ekonomi dunia. Adalah menjadi objektif saya untuk meneruskan kejayaan lepas dalam usaha memperolehi kejayaan yang lebih besar bagi Syarikat.

Prestasi Kewangan

Ekonomi dunia telah meningkat secara signifikan dan pertumbuhan ini adalah disebabkan prestasi ekonomi yang baik dari negara-negara membangun serta rantau Asia. Keadaan persekitaran yang baik ditambah dengan keadaan politik yang stabil telah menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi Malaysia dan seterusnya meningkatkan prestasi kewangan Kumpulan. Kami dengan bangga merekodkan bahawa Perolehan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 2004 adalah RM359.81 juta, menunjukkan peningkatan sebanyak 16.20% berbanding tahun 2003. Peningkatan ini adalah disebabkan meningkatnya Pendapatan Hasil Operasi khususnya dari segi singgahan kapal LNG. Keuntungan Sebelum Cukai adalah sebanyak RM155.29 juta dan setelah mengambilkira peruntukan cukai, jumlah

keuntungan bersih adalah RM111.69 juta. Jumlah tunai serta yang seumpamanya bagi Kumpulan adalah sebanyak RM491.23 juta. Ini menunjukkan kedudukan kewangan Kumpulan adalah agak kukuh bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004.

Bagi tahun 2004, Kumpulan telah melaksanakan Pendekatan Kos Berkesan dalam semua urusan sebagai usaha mengurangkan kos perniagaan kami. Usaha ini telah menampakkan hasil dan banyak menyumbang ke arah prestasi kewangan kami. Adalah menjadi harapan kami agar Syarikat dapat terus melaksanakan usaha yang lebih proaktif dan langkah yang lebih berkesan supaya para pemegang saham, pelanggan, pengguna pelabuhan dan staf kami mendapat manfaat dari hasilnya.

Prestasi Operasi

Kumpulan melalui anak syarikatnya, Bintulu Port Sdn. Bhd. telah mencatatkan jumlah kendalian kargo sebanyak 33.63 juta tan dengan kargo cecair sebanyak 27.03 juta tan, kargo pukal 3.98 juta tan, kargo pukal kering dan lain-lain menyumbang 1.74 juta tan dan 0.88 juta tan masing-masingnya.

Kendalian kontena mencatatkan 143,783 TEUs, sedikit penurunan berbanding 145,661 TEUs dalam tahun 2003. Sehubungan itu, kontena pindah kapal turut mencatat sedikit penurunan dari 104,100 TEUs ke 85,163 TEUs manakala kontena tempatan telah meningkat dari 41,561 TEUs ke 58,620 TEUs dalam 2004 masing-masingnya. Inisiatif dari segi promosi dan pemasaran telah diteruskan dengan aspirasi menjadikan Bintulu Port sebagai pusat singgahan utama bagi kontena di rantau BIMP-EAGA. Bagi tahun 2005, jangkaan kendalian kontena adalah sebanyak 172,378 TEUs.

Bintulu Port menerima singgahan kapal sebanyak 5,617 dalam tahun 2004, pertumbuhan sebanyak 16% berbanding 4,825 singgahan kapal dalam tahun 2003. Peningkatan ini adalah disebabkan aktiviti persisir pantai dan bot-bot kerja yang membantu aktiviti pengeluaran dan eksplorasi minyak dan gas.

Biport Bulkiers Sdn. Bhd. sebuah lagi syarikat subsidiari milik penuh Bintulu Port Holdings Berhad mencatatkan jumlah kendalian 13,590.42 tan metrik kargo cecair dengan Minyak Mentah Kelapa Sawit menyumbang 7,502.16 tan metrik dan Refined Bleached Deodorised Palm Oil, 6,088.26 tan metrik selepas ia memulakan operasi pada 15 Disember 2004.

Keselamatan Pelabuhan dan Pematuhan ISPS

Keselamatan adalah menjadi keutamaan kami. Semua pengguna pelabuhan, pelanggan dan staf dikehendaki mematuhi kesemua kod dan prosidur keselamatan. Latihan dan taklimat keselamatan yang berterusan dilaksanakan oleh kumpulan keselamatan kami bagi memastikan semua pihak memasuki pelabuhan memahami Kod Keselamatan dan etika di tempat kerja.

Kerajaan Malaysia telah melaksanakan pematuhan secara mandatori ke atas International Ship and Port Facility Security Code (ISPS Code) yang telah dikuatkuasakan pada 1 Julai 2004. Objektif utama Kod ISPS adalah mewujudkan rangkaian kerja antarabangsa melibatkan kerjasama di antara Kerajaan berkaitan, Agensi Kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan, Perkapalan dan Industri Pelabuhan dalam usaha mengesan atau menilai ancaman ke atas keselamatan kapal dan kemudahan pelabuhan yang terlibat dalam perdagangan antarabangsa. Kod ISPS mewujudkan peranan dan tanggungjawab semua pihak berkenaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa demi memastikan keselamatan maritim.

Dalam usaha memastikan pematuhan ke atas Kod ISPS, Kumpulan telah meningkatkan prosidur operasi, memperbaiki sistem dokumentasi dan menyediakan jadual latihan keselamatan yang dipersetujui bagi personel keselamatan, staf dan pengguna Pelabuhan.

Kami dengan bangga ingin melaporkan bahawa Pelabuhan Bintulu telah ditauliahkan dengan sijil pematuhan ke atas peruntukan Kod ISPS pada 30 Jun 2004.

Pembangunan Sumber Manusia

Kumpulan mempercayai pembangunan sumber manusia dan sumbangannya kepada Syarikat. Setiap usaha telah diambil bagi mengekalkan ikatan harmoni yang kukuh dengan staf dan bertanggungjawab melatih, memberi motivasi serta ganjaran kepada staf berdasarkan prestasi masing-masing.

Dengan pengenalan kepada Ganjaran Berasaskan Prestasi (PLC) untuk Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs), Kumpulan telah melantik sebuah firma juruperunding untuk melaksanakan kajian dan merumuskan pakej prestasi berdasarkan Indikator Kunci Prestasi (KPI) bagi Kumpulan. Hasil kajian ini telah digunapakai bagi meningkatkan tahap kompetensi staf serta motivasi dan ganjaran kepada staf yang cemerlang dalam prestasi masing-masing.

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2004, jumlah staf Kumpulan adalah sebanyak 806 orang setelah mengalami pertambahan minima dari jumlah tahun 2003 iaitu 787 orang. Punca utama petambahan minima staf adalah perubahan dan peningkatan pada struktur Bintulu Port Holdings Berhad, Bintulu Port Sdn. Bhd. dan Biport Bulkiers Sdn. Bhd..

Gambaran Umum Suasana Perniagaan

Selain bergantung kepada sektor LNG sebagai sumber hasil utama, Kumpulan sedang berusaha sedaya upaya meningkatkan produktiviti dan efisiensi sektor bukan LNG serta pada masa yang sama mengenalpasti lain-lain aktiviti berkaitan pelabuhan bagi membantu Pelabuhan Bintulu menjadi pemberi perkhidmatan pelabuhan secara menyeluruh.

Kenyataan Penutup

Tahun 2004 telah berlalu dengan kejayaan yang memberangsangkan bagi negara dan juga Kumpulan ini serta berakhir dengan peristiwa sedih yang kita kongsi bersama dengan mangsa bencana "tsunami" yang melanda rantau Asia termasuk kawasan Utara Semenanjung Malaysia. Insiden sedemikian akan menjadi pengajaran kepada kita semua. Kita akan lebih bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan dan cabaran serta memanfaatkan sebarang peluang yang ada pada tahun 2005 supaya sebarang kesan risiko yang menghalang kita untuk memperolehi kejayaan dapat dikurangkan.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Y. Bhg. Dato' Capt. Awangku Malyx bin Pengiran Mahran atas kepimpinan beliau dan kejayaan Syarikat pada tahun-tahun yang lepas. Saya berharap Pengurusan akan terus memberi sokongan yang padu dan komitmen kepada saya dan syarikat. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua staf atas komitmen dan sumbangan yang berterusan ke atas kejayaan Syarikat sepanjang tahun ini.

Akhir kata, saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua Ahli-Ahli Lembaga Pengarah atas nasihat dan tunjuk ajar yang tidak ternilai serta kepercayaan kepada saya dalam menerajui Syarikat ini. Kepada semua pengguna pelabuhan, rakan perniagaan, pihak Kerajaan dan Agensi Kerajaan berkaitan, terima kasih di atas sokongan padu semua kepada Pengurusan selama ini.



Mior Ahmad Baiti bin Mior Lub Ahmad
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif
Bintulu Port Holdings Berhad

CHIEF EXECUTIVE OFFICER'S STATEMENT



Opening Remarks

The Group is entering into its fourth year of listing on the main board of the Bursa Malaysia Securities Berhad and has sustained its position as of today and looking into further opportunities for future development and expansion.

Year 2004 seems to be a transition period for the Group and has been a challenging year for realignment of its corporate activities in order to achieve the objectives and mission of the Group. In this respect, Bintulu Port Holdings Berhad has rationalised all activities and capitalised technical and financial capabilities in an effort to meet the challenges for the success of our business. Hence, we should now look forward for a new era of growth and a brighter future in tandem with the global economic growth. It is now my objective to continue building on past achievements towards attaining a greater success for the Company.

Financial Performance

